

**Enam Bakal Duta, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Kunjungi Muhyiddin
Bernama
09 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima kunjungan hormat enam bakal duta dan pesuruhjaya tinggi Malaysia di pejabatnya di sini, Isnin.

Mereka terdiri daripada Datuk Nik Mustafa Kamal Nik Ahmad, 57, duta ke Romania, Datuk Jamaluddin Sabeh, 57, duta ke Poland, dan Mohd Zulkephli Mohd Noor, 54, duta ke Turkmenistan.

Pesuruhjaya Tinggi pula ialah Rosmidah Zahid, 58, (New Zealand), Dr Hasrul Sani Mujtabar, 55, (Pakistan) dan Norlin Othman, 54, (Bangladesh).

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menyerahkan Watikah Pelantikan kepada mereka dalam satu istiadat di Istana Negara pada 25 Jun lepas.

Sebelum menjadi Duta Besar Malaysia ke Romania, Nik Mustafa merupakan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria dari 2009 hingga 2012.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679048>